

KETIDAKSERAGAMAN PERLETAKHAKAN HAKMILIK  
TANAH WAKAF

MUHAMAD HAFIZUL HELMI BIN MOHAMAD HILALUDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerhan  
Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Geomatik)

Jabatan Geoinformasi  
Fakulti Alam Bina dan Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2019

## **PENGAKUAN**

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Tandatangan : .....

Nama : MUHAMAD HAFIZUL HELMI BIN  
MOHAMAD HILALUDIN

Tarikh : 2 JUN 2019

## **DEDIKASI**

Penulisan ini didedikasikan kepada Ibu, Puan Norrizan dan Ayah, Encik Mohamad Hilaludin yang terus menerus memberi semangat dan sumber inspirasi dan tulang belakang kepada saya untuk terus menyiapkan penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada SNF kerana menjadi kekuatan saya. Kepada rakan-rakan “Sek kito”, terima kasih untuk 6 tahun ini.

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah pertama sekali, syukur ke atas hadrat Ilahi di atas rahmat dan segala urusan yang dipermudahkan oleh Nya bagi mempermudah urusan untuk menyiapkan penulisan bagi subjek Projek Sarjana Muda bagi sesi 2018/2019. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada penyelia tesis, Sr Dr Tan Liat Choon atas kesudian untuk menyelia penulisan, dan di atas kesabaran, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak di dalam membantu proses pengambil data kajian melalui temubual dan secara atas talian. Penghargaan juga ditujukan kepada semua pihak yang terlibat termasuk rakan-rakan seperjuangan 4 SGHU, dan rakan-rakan di bawah pensyarah penyelia bagi membantu menjayakan projek sarjana muda ini.

Tidak dilupakan, kepada ahli keluarga yang banyak berkorban masa dan keringat bagi membantu di dalam proses penulisan dan proses pengumpulan data serta memberi kata kata semangat untuk menyokong dan mendoakan urusan kajian ini dapat disiapkan. Akhir kata, semoga tesis ini dapat menyumbang kepada ilmu baru sejajar dengan perkembangan amalan wakaf di Malaysia.

## ABSTRAK

Mengikut Kanun Tanah Negara 1965, tanah wakaf adalah tanah rizab bagi tujuan keagamaan. Pengurusan wakaf di Malaysia adalah berada di bawah kuasa kerajaan negeri yang telah mewujudkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi menguruskan hal-hal berkaitan tanah wakaf seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan di dalam Jadual Kesembilan senarai 2(1). MAIN juga berperanan menetapkan fungsi dan pengurusan wakaf berdasarkan enakmen wakaf mengikut undang-undang tanah negeri. Namun masalah timbul apabila berlaku ketidakseragaman perletakhakan hakmilik tanah wakaf ke atas nama MAIN untuk setiap negeri. Ketiadaan panduan yang jelas dan teratur untuk mendaftarkan tanah wakaf menyebabkan MAIN menghadapi masalah untuk mentadbir dan membangunkan tanah wakaf. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat faktor berlakunya ketidakseragaman bagi perletakhakan hakmilik tanah wakaf dan pelaksanaan panduan pengurusan tanah wakaf setelah satu panduan dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Malaysia (JAWHAR) berkaitan perletakhakan tanah wakaf di dalam pentadbiran MAIN. Hasil daripada kajian ini juga adalah untuk melihat pelaksanaan panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR, kepada pentadbiran MAIN dan melihat faktor yang menyebabkan ketidakseragaman perletakhakan hak milik tanah wakaf. Antara perolehan kajian yang ditemui telah mendapati terdapat empat faktor utama yang menyebabkan ketidakseragaman ini berlaku. Prosidur di dalam MAIN bagi mendaftar tanah wakaf mengikut prosidur asal juga akan dilihat bersama pelaksanaan panduan oleh JAWHAR. Melalui kajian ini diharapkan dapat membantu MAIN mewujudkan satu prasarana yang lebih lengkap dan menjamin integriti di dalam pengurusan institusi wakaf di Malaysia.

## **ABSTRACT**

According to the National Land Code 1965, awqaf land is a reserved land for religious purposes. Management of awqaf land in Malaysia is under the authority of the state government which has established the State Islamic Council (MAIN) to manage matters relating to awqaf land as being mention in the Federal Constitution in the Ninth Schedule of List 2 (1). MAIN is also responsible for setting up the functions and management of awqaf based on the state awqaf enactment in accordance with state land laws. But the problem arises when there is a non-coordinating land ownership agreement on the name of MAIN for each state. The absence of a clear and orderly guide to register awqaf land causes MAIN to have trouble administering and developing the awqaf land. The study was conducted to examine the factors of non-uniformity of vesting of awqaf land titles and the implementation of awqaf land management guidelines after a guidance was issued by the Department of endowments, Zakat and Hajj Malaysia (JAWHAR) in relation to the placement of awqaf land in the administration of state councils. The outcome of this study is to look at the implementation of the guidelines issued by JAWHAR, to the administration of MAIN and to view the factors that caused the non uniforms procedure for the land titles of waqf. Among the research findings found that there are four major factors that cause this inconsistency in the procedures. The procedures in the MAIN to register the waqf land in accordance with the original procedure will also be seen together with the implementation of guidance by JAWHAR. Through this study it is hoped that MAIN will create a more complete infrastructure and ensure integrity in the management of awqaf institutions in Malaysia.

## KANDUNGAN

	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xiv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah Kajian	2
	1.3 Objektif Kajian	3
	1.4 Kepentingan Kajian	4
	1.5 Skop Kajian	5
	1.6 Metodologi Kajian	6

<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	7
2.1	Pengenalan	7
2.2	Pengertian Tanah Wakaf	8
2.2.1	Ciri-Ciri Tanah Wakaf	9
2.2.2	Jenis Tanah Wakaf	10
2.2.3	Perlaksanaan Wakaf	10
2.3	Perundangan Berkaitan Tanah Wakaf	11
2.3.1	Kanun Tanah Negara 1965	12
2.3.2	Perlembangan Persekutuan	14
2.4	Pentadbiran Tanah Wakaf	15
2.4.1	Institusi Wakaf di Malaysia	16
2.4.2	Majlis Agama Islam Negeri	18
2.5	Enakmen Berkaitan Wakaf	19
2.6	Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf	20
2.6.1	Manual Panduan Perletakhakan Hakmilik	21
	JAWHAR	
2.6.2	Surat Perkeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian	23
2.7	Penyeragaman Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf	24
2.7.1	Keperluan Penyeragaman Kaedah Perletakhakan Tanah Wakaf MAIN	25
2.8	Rumusan	27



<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	28
	3.1 Pengenalan	28
	3.2 Fasa Metodologi Kajian	29
	3.3 Fasa Pertama	30
	3.3.1 Kajian Literatur	30
	3.4 Fasa Kedua	31
	3.5 Fasa Ketiga	33
	3.5.1 Faktor Ketidakteraturan	33
	3.5.2 Pelaksanaan Panduan JAWHAR di dalam Pentadbiran Majlis Agama Negeri	33
	3.6 Fasa Keempat	34
	3.7 Rumusan	35
<b>BAB 4</b>	<b>HASIL KAJIAN</b>	36
	4.1 Pengenalan	36
	4.2 Kaedah Pengumpulan Data	36
	4.2.1 Temubual	37
	4.2.2 Responden yang Terlibat Temubual	37
	4.2.3 Soalan Temubual Mengenai Ketidakteraturan Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf	38
	4.3 Hasil Kajian	40
	4.4 Hasil Analisis Faktor yang Menyebabkan Ketidakteraturan Perletakhakan hakmilik	41
	4.4.1 Enakmen Wakaf Negeri	41
	4.4.2 Tiada Peruntukan Khas bagi Penyelarasan	42

4.4.3	Penglibatan Pelbagai Pihak Pentadbiran Negeri	43
4.4.4	Kekurangan Kefahaman Berkaitan Pendaftaran Tanah Wakaf	43
4.5	Hasil Analisis Pelaksanaan Manual Perletakhakan Tanah Wakaf oleh JAWHAR di dalam Pentadbiran Majlis	44
4.6	Rumusan	47
<b>BAB 5</b>	<b>CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>48</b>
5.1	Pengenalan	48
5.2	Pencapaian Objektif	48
5.3	Objektif Pertama: Faktor Berlaku Ketidakeragaman Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf	49
5.4	Objektif Kedua: Mengenalpasti Pelaksanaan Manual dan Surat Perkeliling Berkaitan Penyeragaman Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf Terhadap Pentadbiran dan Pengurusan MAIN	50
5.5	Cadangan Kajian	51
5.6	Rumusan	51
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	52
	<b>RUJUKAN</b>	<b>53</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>55</b>

## SENARAI JADUAL

<b>NO JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
2.1	Enakmen Wakaf di dalam Undang-Undang Negeri	20
4.1	Pegawai Majlis yang di Temu bual	37
4.2	Pihak di dalam Pendaftaran Tanah Wakaf bagi Negeri Selangor	45

## SENARAI RAJAH

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
1.1	Metologi Kajian yang Dirancang	6
3.1	Metodologi Kajian	29
4.1	Proses Pendaftaran Wakaf Selangor	47

## SENARAI LAMPIRAN

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Lampiran A	Borang 14a	55
Lampiran B	Surat Perkeliling KPTG	56
Lampiran C	Manual Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf	57
Lampiran D	Soalan Temubual di Majlis Agama Islam Negeri	58

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Wakaf atau dari segi takrifannya adalah merupakan apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber asalnya. Harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau ditetapkan dengan niat mendekati diri kepada ALLAH S.W.T. Hasil daripada perolehan atau manfaat harta wakaf tersebut perlu disumbangkan untuk kebaikan dan kebajikan. Wakaf merupakan instrumen pembangunan ekonomi umat Islam. Tujuan utama wakaf adalah untuk memberi peluang kepada umat Islam untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Aktiviti institusi wakaf di Malaysia sudah bermula sejak kedatangan Islam di nusantara beratus tahun dahulu. Bagi membolehkan perkembangan agama Islam, kesultanan Melayu dahulu telah mula mewakafkan tanah milik mereka untuk tujuan pembelajaran dan pendidikan. Perkembangan wakaf di seluruh dunia turut mempengaruhi perkembangan wakaf di Malaysia. Malaysia memiliki rizab tanah wakaf yang amat besar.

Pembangunan tanah wakaf ini pasti memberikan impak yang positif bukan sahaja kepada ekonomi umat Islam namun juga kepada ekonomi negara sendiri. Menurut data yang diperolehi daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR),

sebanyak 11,091.82 hektar tanah wakaf am dan 4,836.50 hektar untuk tanah wakaf khusus yang telah diwakafkan di Malaysia.

Menurut jadual kesembilan, senarai 2(1) di dalam perlembagaan persekutuan, kerajaan persekutuan telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk menguruskan hal berkaitan tanah Wakaf dan hal ehwal agama Islam. Penubuhan Majlis Agama Islam di setiap negeri berfungsi sebagai pemegang tunggal atau amanah untuk menguruskan hal-hal berkaitan tanah wakaf termasuk hal-hal berkaitan perletakhakan tanah wakaf. Kewujudan enakmen-enakmen berkaitan pengurusan tanah wakaf mengikut perundangan agama Islam di setiap negeri telah menyebabkan ketidakseragaman di dalam urusan perletakhakan hakmilik tanah wakaf.

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat perlaksanaan manual pengurusan tanah wakaf yang telah dijalankan oleh pihak JAWHAR bagi menyelaraskan dan dijadikan sebagai satu panduan asas untuk kesemua Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di semenanjung Malaysia. Kajian lebih tertumpu dengan melihat proses perletakhakan hakmilik tanah wakaf sebelum manual ini dikeluarkan mengikut setiap negeri yang terlibat dan membandingkan proses tersebut setelah satu panduan untuk menyeragamkan sistem pengurusan dilaksanakan oleh JAWHAR.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

Pengurusan wakaf di Malaysia boleh dikatakan masih berada di tahap yang membimbangkan jika dibandingkan dengan pengurusan tanah wakaf di negara lain seperti Indonesia dan India. Kewujudan enakmen-enakmen yang berbeza di setiap Pentadbiran Agama Islam Negeri menyebabkan timbulnya isu-isu yang berkaitan pengurusan tanah wakaf. Ketidakseragaman ini berlaku kerana pengurusan tanah wakaf adalah di bawah kelolaan kerajaan negeri seperti termaktub di dalam jadual ke-9 perlembagaan persekutuan. Setiap negeri di semenanjung Malaysia mempunyai undang-undang agama Islam yang berbeza berkaitan tanah wakaf yang diuruskan.

Isu utama yang sering timbul berkaitan ketidakseragaman pengurusan dan perletakhakkan hakmilik tanah wakaf mengakibatkan aktiviti pembangunan tanah wakaf tidak dapat dijalankan. Akibat tiada bukti sah seperti dokumen pendaftaran hakmilik yang dimiliki oleh MAIN berkaitan permilikan tanah yang telah diwakafkan menyebabkan MAIN menghadapi masalah untuk membangunkan tanah wakaf yang ingin dibangunkan.

Selain itu, isu pewarisan juga memberikan masalah kepada pengurusan pentadbiran tanah wakaf. Permasalahan ini timbul apabila waris kepada pewakaf meminta bukti berkaitan pertukaran hakmilik kepada MAIN daripada pemilik asal. Perkara ini berlaku apabila pewakaf hanya menyatakan untuk mewakaf tanah miliknya hanya dengan cara lisan dan tiada sebarang dokumentasi atau proses pindah milik yang sah. Keadaan ini berlaku apabila pewakaf itu sendiri telah meninggal dunia dan waris ingin menuntut hak ke atas tanah yang diragui hakmiliknya akibat tiada rekod dan dokumentasi yang sah.

Jika dirujuk kepada Kanun Tanah Negara 1965 (KTN), tiada peruntukan khas mengenai pendaftaran tanah wakaf. Justeru itu tanah wakaf juga perlu didaftarkan seperti mana tanah-tanah yang lain mengikut undang-undang yang termaktub di dalam KTN. Sebelum manual pengurusan pendaftaran tanah wakaf diterbitkan, setiap pendaftaran tanah wakaf adalah mengikut prosidur MAIN bagi setiap negeri. Tiada penyelarasan dalam pendaftaran menyebabkan kekeliruan kepada pewakaf kerana terdapat pelbagai borang yang dibuat dan disediakan oleh pihak majlis untuk mendaftarkan tanah wakaf.

Ketiadaan keseragaman berkaitan perletakhakkan hakmilik tanah wakaf menyebabkan MAIN menghadapi kesukaran untuk mengurus dan mentadbir serta membangunkan tanah wakaf. Ini memberikan impak yang negatif daripada masyarakat untuk terus berwakaf. Kelemahan pengurusan untuk melaksanakan tugas ini mungkin berlaku akibat daripada tiada panduan asas yang boleh dijadikan rujukan bersama oleh setiap Majlis Negeri.



### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:

- a) Mengenal pasti faktor yang menyebabkan ketidakseragaman perletakhakan hakmilik tanah wakaf.
- b) Mengenalpasti pelaksanaan manual dan surat perkeliling berkaitan format keseragaman perletakhakan tanah wakaf yang telah dikeluarkan terhadap pentadbiran dan pengurusan tanah wakaf di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

### **1.4 Kepentingan kajian**

Kepentingan kajian ini adalah untuk melihat kesan penyeragaman proses perletakhakan hakmilik setelah satu usul ataupun panduan yang dikeluarkan untuk dijadikan satu format asas bagi pendaftaran hakmilik tanah wakaf. Melihat sejauh mana keberkesanan penyeragaman proses pendaftaran bagi hakmilik tanah wakaf dapat menangani dan memberikan impak positif kepada isu berkaitan institusi pengurusan dan pembangunan tanah wakaf di semenanjung Malaysia.

Kajian ini juga dapat memberikan gambaran yang lebih jelas berkaitan proses pendaftaran hakmilik tanah wakaf sebelum dan selepas penyeragaman dilakukan oleh pihak JAWHAR. Bagi pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), kajian tentang penyeragaman format pendaftaran hakmilik tanah wakaf juga dapat memudahkan MAIN untuk mengendalikan urusan pendaftaran serta memberi kemudahan kepada pewakaf untuk mewakafkan tanah mereka. Kajian ini juga boleh memberikan gambaran kepada golongan bukan Islam bahawa agama Islam memberikan kemudahan dan bukan menyukarkan sesuatu perkara.


## **1.5 Skop Kajian**

Kajian hanya tertumpu kepada penyeragaman proses perletakhakan hakmilik tanah wakaf sebelum pengeluaran manual daripada JAWHAR dan Surat perkeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG). Antara skop kajian ini menumpukan kepada beberapa aspek, iaitu:

- a) Kajian ini melibatkan faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakseragaman pendaftaran tanah wakaf di dalam pengurusan Majlis Agama Islam Negeri.
  
- b) Meneliti pelaksanaan Manual Pengurusan Wakaf yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2010 di dalam pentadbiran MAIN.
  
- c) Mengenal pasti arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) di dalam Surat Perkeliling bilangan 2/2016 pada 18 November 2016.

## 1.6 Methodologi

Kajian ini melibatkan beberapa langkah penting untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai. Ini adalah langkah yang dilaksanakan sepanjang kajian ini dilakukan.



Rajah 1.1: Metodologi kajian yang dirancang

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Erti wakaf yang berasal daripada perkataan Arab iaitu ‘Waqafa’ yang bermaksud berhenti, menahan atau menegah. Pembawaan maksud daripada perkataan ini adalah perwakafan harta, yang di mana harta atau tanah yang diwakafkan oleh pewakaf ditahan atau tidak dibenarkan untuk dilakukan sebarang urusan seperti urusan jualbeli, pewarisan wasiat dan hibah terhadap harta dan tanah tersebut. Tujuan asal wakaf adalah untuk mengekalkan sumber fizikal harta dan untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. (Ab Rahman, 2009)

Wakaf merupakan salah satu ibadah atau usaha mendekatkan diri kepada Allah menerusi harta kekayaan yang awal di dalam Islam yang diizinkan oleh syarak. Amalan wakaf ini telah menjadi satu tradisi oleh para pemerintah dan hartawan hartawan Muslim di abad-abad pertengahan Islam yang dilaksanakan di negara-negara Arab dan Asia tengah.

Menurut Naseha (2017), definisi wakaf boleh ditakrifkan kepada beberapa maksud antaranya adalah, wakaf di sisi Abi Hanifah, iaitu menahan sesuatu asset atau harta yang sah pemiliknya pewakaf dan bersedekah manfaatnya ke jalan kebajikan. Pensiyariatan wakaf daripada Al-Quran dan hadis membincangkan tentang wakaf adalah bersifat umum. Istilah yang membawa maksud seperti kebajikan, nafaqah,

infaq, sadaqah, tahan dan lain lain telah membawa kepada pelbagai tafsiran (Naseha, 2017).

Oleh yang demikian, ini menyebabkan perbezaan pandangan daripada para ulama ketika mentafsirkan maksud wakaf itu sendiri. Bagaimanapun kita dapat lihat bahawa wakaf adalah satu daripada pemberian harta yang digalakan oleh Islam. Kajian ini lebih menyentuh berkaitan pengurusan tanah yang diwakafkan dan pihak yang terlibat berkaitan hak pemilikan tanah wakaf.

## **2.2 Pengertian Tanah Wakaf**

Berdasarkan maksud yang telah dinyatakan di atas, tanah wakaf dapat ditakrifkan dengan maksud tanah yang diserahkan oleh seseorang yang memiliki pemilikan sah terhadap tanah tersebut untuk diuruskan oleh satu badan yang berkaitan agar hasil dan manfaat yang diperolehi daripada tanah tersebut memberi kebaikan dan digunakan sebagai kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Berdasarkan hadith dari Ibnu Umar r.a. dia berkata: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar lalu dia datang kepada Nabi s.a.w untuk minta pandangan tentang tanah itu, maka katanya yang bermaksud:

“Wahai Rasulullah sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaibar, di mana aku tidak mendapat harta yang lebih berharga bagiku selain daripadanya, (walhal aku bercita-cita untuk mendampirkan diri kepada Allah Azzawajalla) apakah yang hendak engkau perintahkan kepadaku dengannya?” Maka sabda Rasulullah s.a.w kepadanya yang bermaksud: “Jika engkau hendak tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkan manfaatnya”.

Maka Umar pun sedekahkan manfaatnya dengan syarat tanah (maukuf) itu tidak boleh dijualbeli, tidak dihibahkan (beri) dan tidak diwariskan (dipusakai). Tanah itu diwakafkan ke atas fakir miskin, kaum kerabat, memerdekakan hamba sahaja, sabilillah, ibnissabil dan tetamu (HR Shahih Muslim). Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar dan mengambil upahnya tanpa menganggap bahawa tanah itu miliknya sendiri. (Yayasan Wakaf Malaysia, 2014)

Secara khususnya, apa-apa sahaja urusan terhadap tanah wakaf tersebut tidak dapat dilaksanakan seperti urusan jual beli, pewarisan kepada waris. Namun hasil atau tujuan tanah tersebut hendaklah digunakan bagi memberi kebaikan kepada masyarakat seperti pembinaan sekolah atau surau.

### **2.2.1 Ciri-Ciri Tanah Wakaf**

Berdasarkan Jabatan Wakaf Haji dan Zakat (2007) terdapat beberapa ciri penting yang perlu difahami berkaitan tanah wakaf. Ciri-ciri tersebut adalah:

- I. Tanah yang telah diwakafkan tidak boleh dipindah milik kepada seseorang ataupun dipindah milik ke atas badan atau pertubuhan.
- II. Tanah wakaf tidak boleh diwarisi oleh sesiapa pun sama ada daripada keluarga pewakaf ataupun orang perseorangan yang lain.
- III. Hanya urusan yang sejajar dengan hasrat pewakaf sahaja yang boleh dilaksanakan ke atas tanah wakaf tersebut.

### **2.2.2 Jenis-Jenis Tanah Wakaf**

Secara amnya tanah wakaf boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu wakaf khas dan wakaf am. Setiap jenis wakaf tersebut mempunyai maksud yang tersendiri. (Awang, 1994).

#### **I. Wakaf Am:**

Tanah wakaf yang mana hasilnya dimanfaatkan untuk tujuan umum.

#### **II. Wakaf khas:**

Wakaf khas terdiri daripada dua iaitu wakaf khas ahli dan wakaf khas khayri. Tanah wakaf khas ahli adalah untuk tujuan kebajikan kepada ahli keluarga yang terdekat. Tanah wakaf khas khayri pula adalah untuk memenuhi keperluan anak yatim, golongan fakir miskin dan untuk tujuan pembinaan masjid, sekolah dan sebagainya.

### **2.2.3 Pelaksanaan Wakaf**

Menurut Yayasan Wakaf Malaysia (2014) perwakafan harta hanya menjadi sah apabila syarat-syarat perwakafan dipatuhi sebagaimana yang berikut:

- a) Wakaf hendaklah dibuat secara kekal tanpa dihadkan untuk mana-mana tempoh tertentu
- b) Bagi wakaf khas, tujuan dan maksud wakaf hendaklah dinyatakan dengan jelas dan wakaf dianggap tidak sah jika tidak dinyatakan tujuan dan maksudnya.
- c) Harta yang diwakafkan berkuatkuasa serta merta, tidak boleh ditarik balik, tidak boleh diubah-ubah tujuannya dan tidak boleh tertakluk kepada syarat-syarat lain kecuali melalui wakaf istibdal.

### **2.3 Perundangan Berkaitan Tanah Wakaf**

Ketiadaan peruntukan undang–undang pentadbiran berkaitan tanah wakaf pada masa lalu menyukarkan dan menyebabkan berlaku kekurangan kecekapan di dalam pentadbiran tanah wakaf kerana prosidur yang tidak sistematik. Pemilik tanah yang ingin mewakafkan tanah mereka secara umum perlu mengisytiharkan niat mereka untuk menyerahkan tanah mereka sebagai wakaf amal dengan kehadiran dua saksi Islam. Pekara tersebut diikuti dengan perlantikan pengurus atau kumpulan wakaf individu bagi mengurus dan mentadbir tanah tersebut (Ab Rahman, 2009).

Selain itu, ketiadaan peruntukan undang-undang bagi mentadbir dan menguruskan tanah wakaf juga menyebabkan pihak yang terlibat tidak dapat mentadbir, mengurus dan membangunkan tanah wakaf. Pentadbiran tanah wakaf pada masa itu hampir tidak berfungsi kerana masyarakat tidak memahami sebarang hukum mengenai perletakhakan hakmilik tanah wakaf (Ab Rahman, 2009).

Sebelum panduan pengurusan dikeluarkan oleh JAWHAR, masih tiada panduan jelas yang telah ditetapkan oleh kerajaan persekutuan bagi menguruskan tanah wakaf. Pengurusan tanah wakaf ketika itu terletak di bawah kelolaan kerajaan negeri. Terdapat beberapa peruntukan perundangan yang sedia ada yang menyebut atau mewujudkan kuasa kelolaan tanah wakaf yang di peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tanah Negara 1965 (Jabatan Wakaf, 2010).



### **2.3.1 Kanun Tanah Negara (KTN 1965)**

Di dalam Kanun Tanah Negara 1965 (KTN 1965), di bawah Akta 56 menyebut beberapa peruntukan yang berkaitan tanah wakaf, antaranya ialah:

a) **Pengecualian pemakaian KTN 1965 (Akta 56) terhadap tanah wakaf**

Seksyen 4(2) (e), KTN 1965 memperuntukkan bahawa mana mana peruntukan di bawah KTN 1965 adalah tidak terpakai kepada tanah wakaf kecuali diperuntukkan sebaliknya. Peruntukan ini dilihat sebagai suatu jaminan bahawa KTN 1965 yang merupakan undang-undang utama berhubung dengan tanah telah mengiktiraf undang-undang Islam mengenai wakaf bagi semua tanah wakaf. Oleh itu, dari segi pemakaiannya, mana-mana peruntukan dalam KTN 1965 yang tidak selaras dengan undang-undang Islam mengenai wakaf adalah tidak terpakai setakat yang tidak selaras itu.

b) **Perletakhakan Tanah Wakaf**

Pemegang amanah tunggal bagi semua tanah wakaf sama ada terletak di Wilayah Persekutuan atau negeri-negeri. Bagaimanapun, pemegangan hak tunggal ini tidak berlaku secara lansung. Dalam erti kata lain, walaupun akta dan enakmen pentadbiran agama Islam dan enakmen wakaf telah mengiktiraf MAIN sebagai pemegang amanah tunggal bagi kesemua tanah wakaf tersebut dan KTN 1965 juga telah memperuntukkan pengecualian pemakaian KTN 1965 bagi tanah wakaf, pihak MAIN masih perlu mengambil langkah tertentu untuk meletakhakan tanah wakaf kepada MAIN. Merujuk kepada peruntukan akta atau enakmen pentadbiran agama Islam, sebagai contohnya Seksyen 62, akta 505, semua harta wakaf yang berbentuk tidak alih (tanah) hendaklah terletak pada MAIN sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang relevan yang berhubungan dengan tanah dan dalam hal ini undang-undang tersebut ialah KTN 1965. Peruntukan ini jelas menyatakan bahawa sesuatu tanah wakaf tidak terletak pada MAIN secara

perundangan kecuali tanah tersebut didaftarkan terlebih dahulu di bawah peruntukan KTN 1965 yang berkaitan.

c) Seksyen 416C , KTN 1965

”(1) Jika sekiranya keseluruhan atau sebahagian mana mana tanah bermilik yang dipegang oleh pemindah diduduki, digunakan, dikawal atau diuruskan oleh penerima pindahan di bawah apa-apa hak atau kelayakan (*entitlement*) yang diperolehi dengan cara derma (*donation*), hadiah (*gift*), warisan (*bequest*), kebenaran (*permission*), persetujuan (*consent*), atau apa-apa cara yang lain, dari pemindah atau mana-mana pendahulu dalam hakmilik pemindah atau mana-mana maksud statutori penerima pindahan sebelum sahaja peletakhakan statutori berkuatkuasa, hak penerima pindahan kepada pendudukan, penggunaan, kawalan atau pengurusan tersebut hendaklah, atas permohonan secara bertulis olehnya kepada Pendaftar, diendoskan atas dokumen hakmilik daftaran kepada tanah, jika Pendaftar berpuas hati bahawa PELETAKHAKAN statutori tentang hak atau kelayakan tersebut pada penerima pindahan telah dikuatkuasakan.”

Berdasarkan JAWHAR (2014), seperti yang diperuntukan di dalam seksyen 416C perletakhakan hak milik boleh didaftarkan di bawah Nama majlis agama Islam negeri (MAIN) bagi setiap negeri sebagai penerima pindahan. Namun seperti yang diketahui MAIN hanya mempunyai kuasa yang terhad ke atas tanah untuk menguna, mengawal dan mengurus dan bukan sebagai pemilik tanah wakaf.

### **2.3.2 Perlembagaan Persekutuan**

Perlembagaan Persekutuan di dalam Jadual Kesembilan senarai 2 (1), telah memberi kuasa kepada kerajaan negeri mengurus hal ehwal agama Islam (Baharuddin Sayin, 2006). Dengan kuasa yang diberikan itu kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis dan Jabatan Agama Islam yang secara khusus bertanggungjawab mengurus hal ehwal agama Islam bagi negeri masing-masing. Antara urusan yang dipertanggungjawabkan kepada MAIN adalah pungutan zakat atau agihan zakat, nikah kahwin, khairat dan wakaf. Secara terperinci perundangan Islam di Malaysia bagi negeri-negeri telah dinyatakan di dalam jadual kesembilan, perlembagaan persekutuan. Berdasarkan jadual kesembilan, perlembagaan persekutuan telah menyatakan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf abak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan ta’arif serta peraturan mengenai, amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan amanah, khairat dan yayasan khairat yang dijalankan, kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; zakat Fitrah dan Baitul-mal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidangkuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecauali setakat yang diberi oleh Undang-undang Persekutuan; mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut

agama Islam; menentukan perkara-perkara hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu ”. (Malaysia, 2009)

## **2.4 Pentadbiran Tanah Wakaf**

Sebelum tahun 1998, kesemua urusan berkaitan agama Islam adalah di bawah satu institusi tanpa ada pengasingan kuasa. Namun, selepas 1998, pemisahan kuasa telah dilakukan agar pengurusan dan pemerintahan dapat dilaksanakan dengan lebih baik tanpa menimbulkan sebarang perebutan kuasa sekaligus menjadikan sistem pengurusan yang lebih sistematik. Setiap negeri di Malaysia mempunyai ketua agama Islam masing-masing seperti disebut di dalam perlembagaan, iaitu sultan sebagai ketua agama Islam bagi negeri. Dan Yang Di Pertuan Agong menjadi ketua agama Islam bagi negeri yang tidak mempunyai sistem di Raja seperti Pulau Pinang dan Melaka (Markom, 2003).

Menurut Perlembagaan Persekutuan dan Kanun Tanah Negara 1965 pihak negeri diberi tanggungjawab atau mempunyai kuasa untuk mengurus dan mentadbir hal-hal berkaitan tanah wakaf. Satu jabatan pengurusan yang ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan menjadi pihak pemantau dan sebagai rujukan utama kepada setiap majlis agama untuk setiap negeri. Pentadbiran tanah wakaf boleh dibahagikan kepada dua bahagian umum. Iaitu institusi wakaf yang terdiri daripada dua buah institusi iaitu Jabatan Wakaf Haji Dan Zakat (JAWHAR) yang ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan serta Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan majlis agama setiap negeri (MAIN) yang di bawah kelolaan kerajaan negeri (Naseha, 2017).

### **2.4.1 Institusi-Institusi Wakaf Malaysia**

Berdasarkan kajian oleh Naseha (2017), terdapat dua buah institusi yang bertanggungjawab memantau pengurusan wakaf di Malaysia.

- i. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) telah ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan pada 27 Mac 2004 oleh mantan Perdana Menteri Y.A.Bhg Tun Abdullah bin Ahmad Badawi ketika mengumumkan kabinet kerajaan Malaysia. Tujuan utama penubuhan jabatan ini adalah salah satu usaha kerajaan persekutuan memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan kekuatan ummah pada masa hadapan. Antara fungsi utama jabatan ini adalah:
  - a) Merancang, melaksana, memantau dan menyelaras pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah agar dapat berfungsi dengan lebih berkesan dalam pembangunan sosio-ekonomi ummah
  - b) Membantu dan memberi khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.
  - c) Merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haji/Umrah;
  - d) Membantu dan memberi khidmat sokongan dalam pengurusan sumber manusia, kewangan kepada pihak berkuasa agama negeri-negeri dan agensi-agensi berkaitan.

- ii. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) ialah satu entiti wakaf kebangsaan. Ianya ditubuhkan secara rasminya pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952. Yayasan ini adalah berada di bawah kelolaan JAWHAR. Antara objektif utama yayasan ini ditubuhkan adalah untuk:
  - a) Membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf.
  - b) Membangunkan dan memajukan harta wakaf dan harta umat Islam bagi tujuan khairat Dana maljariah melalui pembangunan ekonomi, pendidikan, sosial dan kebajikan umat Islam.
  - c) Menjana modal melalui kaedah-kaedah kontemporari, terkini dan inovatif bagi memaksimumkan manfaat wakaf
  - d) Menyempurnakan amanah pewakaf.

Kedua-dua institusi yang ditubuhkan oleh kerajaan persekutuan adalah untuk membantu MAIN yang merupakan pemegang amanah tunggal wakaf di Malaysia bagi menguruskan harta serta tanah wakaf bagi kemudahan dan kebajikan masyarakat di negara ini. Bagi memastikan kedua-dua institusi ini sentiasa dipantau dan menjaga kualiti profesionalisme. Beberapa badan profesional menjadi badan pemantau, antara badan utama yang terlibat adalah Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia serta Royal Institution of Surveyor Malaysia (RISM).

#### **2.4.2 Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)**

Setiap negeri di Malaysia mempunyai perundangan Islam yang tersendiri. Pekara ini berlaku akibat pengaruh budaya setempat dan undang-undang tanah dan agama yang berlainan bagi setiap negeri. Bagi memudahkan urusan pengurusan hakmilik tanah wakaf serta berkaitan dengan agama Islam, satu majlis telah ditubuhkan oleh kerajaan negeri setelah diberi kuasa daripada kerajaan persekutuan. Perundangan Islam yang dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Islam, iaitu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) ditubuhkan untuk membantu Yang di Pertuan Agong dalam menguruskan mengenai hal ehwal Islam di Malaysia. Di setiap negeri-negeri di Malaysia, Majlis mempunyai nama-nama yang berbeza. Selain itu, majlis agama Islam dipecahkan mengikut daerah-daerah dalam setiap negeri yang dikenali sebagai pejabat agama Islam daerah (Markom, 2003).

Selain itu, pengurusan tanah wakaf di Malaysia adalah berada di bawah MAIN. Tujuan perantaraan majlis sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf adalah untuk memastikan harta wakaf dapat diuruskan dan ditadbir dengan baik dan efisien. Pengurusan tanah wakaf yang berbeza bagi setiap negeri yang dikelola oleh MAIN adalah disebabkan perbezaan fatwa antara setiap negeri. Ini dapat dilihat menerusi pelaksanaan pelbagai aktiviti di kalangan pentadbiran ke atas tanah wakaf yang di peruntukan.

Antara fungsi dan bidang kuasa Majlis Agama Islam di Malaysia adalah:

- a) Memelihara, mempertahankan kedaulatan, dan menghormati kedaulatan agama Islam sebagai agama negeri dan agama Negara adalah kewajipan semua pihak terutama pihak kerajaan.
- b) Menggubal dasar serta mentadbir hal ehwal agama Islam dan undang-undang Islam. Majlis Agama Islam bertanggungjawab untuk menggariskan dasar-dasar dalam penguatkuasaan undang-undang kesalahan jenayah Syariah dan

pendakwaan, pengurusan dakwah, pentadbiran kumpulan wang dan baitulmal termasuklah pungutan dan agihan zakat, pembangunan tanah wakaf atau pusaka yang terletak hak kepada Majlis, pentadbiran masjid dan surau, kewajipan-kewajipan atau kuasa-kuasanya berhubung dengan kemajuan ekonomi dan sosial orang Islam, memantau perbadanan atau perusahaan Majlis Agama Islam, penyelidikan, dan pembangunan dan lain-lain perkara termaktub dalam Butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-negeri.

- c) Memastikan semua dasar dan hukum hakam yang diperkenankan oleh Sultan/Raja sebagai Ketua Agama Islam dipatuhi oleh semua pihak termasuk Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan Majlis Agama Islam bertanggungjawab untuk memastikan kedaulatan agama Negeri terpelihara dengan sempurna. Majlis Agama Islam bertanggungjawab memberikan teguran kepada Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan termasuk jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang beroperasi dalam negeri berkenaan sekiranya dasar, amalan, dan tindakan pihak-pihak berkenaan didapati bercanggah dengan prinsip Islam dan Hukum Syarak bukan sebaliknya di mana Majlis Agama Islam perlu akur dan tunduk kepada arahan Kerajaan Negeri atau Persekutuan dalam hal ehwal Islam.

## **2.5 Enakmen Berkaitan Wakaf**

Akibat daripada perbezaan fatwa dan pengurusan majlis bagi setiap negeri, pelbagai enakmen telah dikeluarkan oleh negeri. Walaupun bidang kuasa pengurusan tanah wakaf berada di bawah MAIN, perbezaan enakmen bagi setiap negeri telah menyebabkan pelbagai kekeliruan berlaku dari segi pendaftaran dan pengurusan MAIN berkaitan Tanah wakaf. Jadual 1 merujuk kepada senarai enakmen yang berbeza mengikut negeri. Terdapat empat negeri sahaja yang mewujudkan enakmen khas untuk pengurusan wakaf. Empat negeri tersebut adalah Perak, Melaka, Negeri



Sembilan dan Selangor. Manakala untuk negeri-negeri lain, pekara berkaitan wakaf di masukan dalam enakmen umum pentadbiran negeri (Mahmood, 2017).

Jadual 2.1: Enakmen Wakaf di dalam Undang-Undang Negeri

Negeri	Enakmen
Selangor	Enakmen 15 Tahun 2015 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015
Perak	Enakmen 9 Tahun 2015 Enakmen Wakaf (Perak) 2015
Terengganu	Enakmen 2 Tahun 2001 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu)
Perlis	Enakmen 4 Tahun 2006 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006
Melaka	Enakmen 5 Tahun 2005 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005
Kelantan	Enakmen 4 Tahun 1994 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994
Pahang	Enakmen 3 Tahun 1991 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991
Negeri Sembilan	Enakmen 5 Tahun 2005 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
Kedah	Enakmen 5 Tahun 2008 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008
Johor	Enakmen 16 Tahun 2003 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003
Kuala Lumpur	Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993
Pulau Pinang	Enakmen 4 Tahun 2004 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

## **2.6 Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf**

Menurut KTN 1965, tanah wakaf perlu didaftarkan seperti mana tanah-tanah yang lain. Ini kerana tiada panduan atau rujukan yang menetapkan permilikan tanah wakaf perlu didaftarkan dengan cara-cara yang berbeza.

### **2.6.1 Manual Pengurusan Tanah Wakaf JAWHAR**

Sebelum panduan daripada JAWHAR dikeluarkan, MAIN telah meletakkan hakmilik tanah wakaf mengikut beberapa kaedah (Jabatan Wakaf, 2010). Antaranya ialah:

a) Kaedah perletakhakan berkanun

Perletakhakan berkanun ditakrifkan sebagai perletakhakan yang dikuatkuasakan oleh mana-mana undang-undang yang bertulis yang menyatakan sesuatu tanah itu terletak hak kepada sesuatu badan dan kemudiannya barulah Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah boleh mengambil tindakan untuk mendaftarkan perletakhakan tersebut di dalam daftar hakmilik tanah.

b) Perletakhakan di bawah Seksyen 416C, KTN 1965

MAIN menjadi pemegang amanah tunggal iaitu melalui prosidur perletakhakan di bawah Seksyen 416C. Bagaimanapun berdasarkan peruntukan KTN 1965 sedia ada, frasa wakaf atau MAIN sebagai pemegang amanah tunggal tidak boleh dinyatakan dalam dokumen hakmilik tanah semasa pendaftaran peletakhakan dibuat oleh Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah. Ini disebabkan KTN 1965 tidak mengiktiraf wakaf sebagai suatu amanah tunggal sewajarnya dikawal dan direkodkan dalam Daftar Rekod Tanah Wakaf oleh Pengurus Wakaf.

- c) Seksyen 416C, KTN 1965 meliputi peletakhakan tanah milik yang diperolehi melalui derma (donnation), hadiah (gift), warisan (bequest), kebenaran (permission), persetujuan (consent), atau apa-apa cara yang lain. Permohonan boleh dibuat oleh penerima dengan menyertakan bukti derma (donation); hadiah (gift), warisan (bequest), kebenaran (permission), persetujuan (consent), atau apa-apa cara yang lain kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah untuk dibuat endosan bagi memberi hak kepada penerima dan mengikat tuan tanah. Hak yang diberikan ialah untuk menduduki, mengguna, mengawal atau mengurus tanah sahaja dan bukan hak sebagai tuan tanah.

Sebelum manual daripada JAWHAR diterbitkan, peletakhakan tanah wakaf menerusi Kaedah Seksyen 416C, KTN 1965 bagi mengatasi masalah tidak dapat dilaksanakan dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di Pejabat Pendaftar Hakmilik/Pentadbir Tanah. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh urusan peletakhakan berkanun di bawah Seksyen 416C KTN 1965 belum dibangunkan dan terdapat halangan daripada enakmen lain sebagai mengambil contoh Enakmen Rizab Melayu Negeri Terengganu berikut.

Pada tahun 2006 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah menerima permohonan wakaf daripada seorang pewakaf bagi butiran tanah: HS (D) 7186 Lot PT 30399 Mukim Kuala Nerus. MAIDAM telah melaksanakan proses dengan meminta pemohon mengisi borang ikrar wakaf dan borang permohonan wakaf tanah diisi dengan sempurna dan salinan hakmilik tanah HS (D) 7186 Lot PT 30399 Mukim Kuala Nerus dan salinan kad pengenalan pemohon.

MAIDAM mengemukakan surat permohonan bersama borang-borang tersebut kepada Pentadbir Tanah Daerah memohon supaya peletakhakan di bawah Seksyen 416C, KTN 1965 dilaksanakan. Pentadbir Tanah Daerah telah memanjangkan permohonan ini ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) untuk proses selanjutnya. Pandangan pihak PTG, tanah Pegangan Melayu (Malay Holding) mesti mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri sekiranya menggunakan borang 14A bagi

pindahmilik dan perwakafan berdasarkan Enakmen Rezab Melayu Negeri Terengganu.

## **2.6.2 Surat Perkeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian**

Pada 18 November 2018, satu Surat Perkeliling telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (KPTG) berkaitan format seragam permohonan perletakhakan berkanun tanah wakaf. Surat perkeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pendaftar tanah dan pentadbir tanah mengenai format seragam bagi perletakhakan tanah wakaf di bawah seksyen 416C Kanun Tanah Negara 1965. Jabatan mengeluarkan Surat perkeliling berkaitan hal perletakhakan tanah wakaf setelah satu panduan di keluarkan oleh JAWHAR bagi memudahkan dan melicinkan urusan pendaftaran perletakhakan milik bagi tanah wakaf (Jabatan Wakaf, 2010).

Berdasarkan Surat Perkeliling yang dikeluarkan oleh KPTG (2018), dijelaskan bahawa permohonan memasukkan sesuatu peletakhakan berkanun hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah secara bersurat. Pekeliling ini juga bertujuan menasihatkan semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah berhubung pendaftaran tanah wakaf secara peletakhakan berkanun (*statutory vesting*) kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di bawah seksyen 416 Kanun Tanah Negara 1965.

Mengikut amalan-amalan yang telah dikenalpasti, tiga cara boleh digunakan untuk memindah hak daripada pewakaf kepada Majlis Agama Islam seperti yang berikut:

- a) Secara pindahmilik, pewakaf dikehendaki mengisi Borang 14A, KTN bagi tanah yang hendak diwakafkan dan menyerahkannya kepada Majlis Agama Islam berserta dengan dokumen-dokumen yang berkaitan seperti dokumen hakmilik keluaran (*issue document of title*) dan resit bayaran cukai tanah.

Seterusnya Majlis Agama Islam akan mengemukakan permohonan pindahmilik tanah (Borang 14A) kepada Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah yang berkenaan untuk pendaftaran; atau

- b) Pewakaf diminta menyerah tanah (*surrender*) kepada Pihak Berkuasa Negeri di bawah seksyen 197 KTN 1965 dengan menggunakan Borang 12A bagi keseluruhan tanah atau Borang 12B di bawah seksyen 200 KTN 1965 bagi sebahagian tanah. Selepas penyerahan diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri, Majlis Agama Islam memohon tanah yang berkenaan. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberimilik kepada Majlis Agama Islam atau merizabkan tanah tersebut dengan meletakkan. Majlis Agama Islam sebagai pegawai pengawal. Bagi penyerahan tanah, sekiranya terdapat kepentingan-kepentingan berdaftar seperti gadaian, pajakan atau penyewaan yang dikecualikan daripada pendaftaran (*tenancy exempt from registration*), persetujuan semua orang atau badan yang berkepentingan perlu diperolehi secara bertulis oleh tuan punya tanah (pewakaf) terlebih dahulu; atau
- c) Majlis Agama Islam Negeri memohon peletakhakan berkanun bagi tanah yang berkenaan kepadanya di bawah seksyen 416C KTN 1965

## **2.7 Penyeragaman Urusan Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf**

Permasalahan yang sering dihadapi oleh MAIN terutama sekali untuk melaksanakan perletakhakan hakmilik tanah wakaf berlaku akibat ketiadaan panduan yang jelas dan teratur, ini menyebabkan MAIN menghadapi kesukaran untuk mentadbir dan memajukan tanah wakaf tersebut. Keadaan ini boleh menyebabkan tanggapan negatif dalam masyarakat yang melihat keadaan tanah yang tidak diurus dan terbiar.

Penyeragaman kaedah perletakhakan berkanun tanah wakaf mempermudah MAIN mendaftarkan semua tanah wakaf yang mempunyai masalah yang di mana masih di atas nama individu dan bukan di atas nama MAIN. Penyeragaman ini juga melibatkan pihak Pentadbir Tanah dan Pendaftar Hakmilik. Manual ini mempercepatkan urusan pendaftaran tanah wakaf secara cekap dan berkesan dan dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Antara objektif utama penyeragaman yang dikeluarkan oleh JAWHAR bagi perletakhakan hakmilik bagi tanah wakaf adalah:

- a) Membantu MAIN menyelesaikan masalah peletakhakan tanah wakaf melalui Seksyen 416C KTN 1965
- b) Memperkemas dan menambah baik sistem pengurusan tanah wakaf yang sedia ada;
- c) Meningkatkan kecekapan dalam pengurusan tanah wakaf;
- d) Meningkatkan dan memperkasakan pengurusan tanah wakaf;
- e) Menyelaras dan menyeragamkan tatacara pelaksanaan peletakhakan tanah wakaf oleh MAIN berpandukan Manual Pengurusan Perletakhakan Hak milik Tanah Wakaf (MPPTW).

### **2.7.1 Keperluan Penyeragaman Kaedah Perletakhakan Tanah Wakaf MAIN**

MAIN merupakan pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di negeri masing-masing yang menguruskan segala hal berkaitan perwakafan. Setiap tanah yang diwakafkan perlu didaftarkan agar status permilikan tanah jelas dan terjamin. Namun permasalahan berlaku akibat terdapat tanah wakaf yang di wakafkan tidak berada di bawah MAIN atas sebab sebab:

- a) Pewakaf telah meninggal dunia
- Apabila pewakaf telah meninggal dunia, proses pindah milik terpaksa dilaksanakan melalui proses bicara kuasa oleh waris yang terlibat atau melalui seorang waris yang dilantik sebagai pentadbir.
- b) Geran atas nama Penghulu/Khadi
- Terdapat tanah-tanah wakaf lama yang didaftarkan atas nama penghulu/khadi bagi satu satu daerah. Penghulu/Khadi tersebut telah meninggal dunia tanpa sempat memindahkan hakmilik kepada MAIN.
- c) Wakaf lisan tanpa dokumen sokongan
- Tidak terdapat sebarang pembuktian secara berdokumen bagi tanah-tanah wakaf lama. Bagaimanapun, ciri-ciri wakaf pada tanah tersebut adalah jelas seperti terdapatnya bangunan masjid, surau, sekolah agama atau kubur.
- d) Tanah di atas pemegang amanah lain
- Terdapat tanah-tanah wakaf lama yang didaftarkan atas Nama pemegang amanah persendirian.
- e) Tanah pertanian kurang daripada 2/5 hektar (1 ekar)
- Terdapat tanah-tanah wakaf lama di mana sebahagiannya telah didirikan elemen keagamaan dan berkongsi penggunaan dengan pewakaf di mana pewakaf bersetuju untuk mewakaf tetapi terhalang.
- f) Tanah yang mempunyai elemen keagamaan
- Terdapat elemen-elemen keagamaan di atas tanah milik individu yang tidak dapat didaftarkan atas Nama MAIN disebabkan tidak dapat kerjasama daripada pewaris.

## **2.8 Rumusan**

Penyeragaman kaedah peletakhakan berkanun tanah wakaf mempermudah MAIN selaku Pemegang Amanah Tunggal bagi wakaf di negeri masing-masing mendaftarkan semua tanah-tanah wakaf lama yang masih lagi atas nama individu/pertubuhan. Di pihak Pentadbir Tanah/Pendaftar Hakmilik, urusan pendaftaran tanah wakaf lama dapat dipercepatkan sekaligus membantu MAIN menyelesaikan masalah tanah wakaf yang lama tertangguh. Bab seterusnya akan membincangkan bagaimana kajian ini dilaksanakan secara terperinci.




## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Pada bab ini methodologi kajian akan diterangkan dengan secara terperinci. Metodologi merupakan satu elemen penting untuk menerangkan dengan jelas bagaimana kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif yang telah dikenal pasti oleh penulis. Untuk memastikan kajian ini berjalan lancar dan tersusun, metodologi telah dibahagikan kepada empat (4) fasa. Ini bertujuan untuk pengurusan masa yang baik bagi kajian ini dan pergerakan kerja mengikut prosedur yang telah dirancang.

### 3.2 Fasa Metodologi Kajian



Rajah 3.1: Metodologi Kajian

### **3.3 Fasa Pertama**

Pada fasa pertama, isu dan masalah bagi kajian ini ditentukan bagi mengenal pasti objektif kajian yang hendak dijalankan. Dalam peringkat ini, isu dan masalah dikenal pasti, penentuan objektif dan skop dan kepentingan kajian ini diketahui adalah untuk memastikan tujuan kajian ini dapat dicapai. Kajian literasi digunakan sebagai rujukan untuk meningkatkan lagi kefahaman dalam kajian ini. Kajian literatur yang dirujuk adalah tesis, kertas teknikal, akta-akta yang berkaitan dan buku.

#### **3.3.1 Kajian Literatur**

Kajian literatur dilakukan dengan pencarian kertas-kertas kajian berkaitan permasalahan dan pengurusan tanah wakaf. Kajian ini lebih menumpukan kepada pengurusan wakaf yang telah timbul akibat enakmen negeri yang telah di buat oleh Majlis Agama Negeri. Maklumat yang diperlukan berdasarkan pembacaan dan rujukan daripada kajian yang terdahulu akan dikenal pasti untuk membantu perkembangan kajian bagi menyelesaikan permasalahan kajian. Kajian berkaitan enakmen wakaf negeri, pengurusan tanah wakaf dan permasalahan yang dihadapi berkaitan tanah wakaf dijadikan rujukan bagi membantu kajian ini.

### 3.4 Fasa Kedua

Pada fasa kedua, pengambilan data dilakukan. Ini bertujuan untuk mengumpul sebanyak data dan informasi yang relevan untuk kajian ini. Pengambilan data terbahagi kepada dua bahagian iaitu, data primer dan data sekunder. Data primer adalah mendapatkan data kaji selidik seperti temu bual dan perbincangan bersama Majlis Agama Islam Negeri yang mempunyai enakmen berkaitan perletakhakan milik bagi tanah wakaf serta agensi yang terlibat.

Manakala data sekunder pula adalah data-data yang diperolehi daripada bahan bacaan seperti Kanun Tanah Negara 1965, manual pengurusan perletakhakan hakmilik tanah wakaf JAWHAR dan Surat Perkeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian.

#### i. Data Premier

Satu temubual telah dilaksanakan di Majlis Agama Negeri Selangor di bahagian Perbadanan Wakaf Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak. Tujuan temu bual ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui bagaimana pihak Majlis menguruskan perletakhakan hakmilik tanah wakaf yang diamalkan oleh Majlis Negeri. Selain itu, kefahaman berkaitan enakmen negeri dan kerjasama antara Majlis Agama Negeri bersama JAWHAR diterangkan.

#### ii. Data Sekunder


##### a) Kanun tanah Negara 1965

Di dalam KTN 1965, beberapa urusan wakaf boleh dirujuk di dalam seksyen-seksyen yang berikut berdasarkan dinyatakan di bawah. Seksyen 4(2) KTN 1965 menerangkan “Kecuali setakat mana yang diperuntukan dengan nyata sebaliknya, tiada apa juga dalam akta ini boleh menyentuh peruntuan. Seksyen 4(2) KTN 1965 menyatakan mana mana undang undang yang pada masa itu berkuatkuasa mengenai wakaf atau baitulmal.

b) Manual perletakhakan hakmilik tanah wakaf JAWHAR

Kajian juga melihat perletakhakan hakmilik berpandukan manual yang dikeluarkan oleh JAWHAR pada tahun 2010. Manual ini dikeluarkan kerana tiada panduan yang jelas dan teratur untuk melaksanakan peletakhakan berkanun tanah wakaf telah menyebabkan MAIN menghadapi kesukaran untuk mentadbir, mengurus dan membangunkan tanah tersebut. Keadaan ini menimbulkan persepsi negatif oleh masyarakat yang melihat tanah tersebut terbiar tanpa dimanfaatkan oleh MAIN untuk pewakaf atau kemaslahatan ummah. Antara skop yang terdapat di dalam manual ini adalah menyentuh aspek-aspek yang berkaitan dengan peletakhakan berkanun (*statutory vesting*) berdasarkan Seksyen 416C KTN 1965 dan perkara yang berkaitan dengannya sahaja.

Rajah 3.1 Manual yang telah dikeluarkan oleh JAWHAR



c) Surat perkeliling daripada KPTG Bilangan 2/2016

Surat perkeliling yang dikeluarkan oleh KPTG pada tahun 2016 adalah bertujuan untuk memaklumkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai format seragam bagi surat permohonan pendaftaran peletakhakan tanah wakaf di bawah seksyen 416C Kanun Tanah Negara 1965. Pekeliling ini masih berpandukan kepada perkeliling KPTG bilangan 8/1999

### **3.5 Fasa Ketiga**

Fasa ketiga adalah analisa data, analisa data dilakukan semasa pengambilan data yang dilaksanakan di fasa ke dua. Di fasa ketiga, penyeragaman bagi perlethakan milik tanah wakaf di teliti. Seterusnya adalah kajian di teruskan dengan mengenal pasti pelaksanaan penyeragaman oleh JAWHAR kepada enakmen negeri yang berkaitan. Manual yang dikeluarkan oleh JAWHAR dikaji untuk melihat keberkesanan bagi menyelesaikan masalah berkaitan hakmilik tanah wakaf yang di hadapi oleh MAIN.

#### **3.5.1 Faktor Ketidakteragaman.**

Melalui temubual yang dilaksanakan oleh penulis bersama pihak pengurusan tanah wakaf bagi MAIN yang terlibat akan dikenal pasti bagi melihat penyebab atau faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakseragaman antara MAIN bagi perlethakan hakmilik tanah wakaf.

#### **3.5.2 Pelaksanaan Panduan JAWHAR di dalam Pentadbiran MAIN**

Penulis juga akan membuat analisis berkaitan pelaksanaan yang dikeluarkan oleh JAWHAR di dalam pentadbiran tanah wakaf bagi MAIN. Perbandingan akan dilakukan di antara prosidur asal MAIN dan panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR bagi perlethakan hakmilik tanah wakaf.

### **3.6 Fasa Keempat**

Fasa terakhir adalah fasa keempat, di dalam fasa ini hasil kajian yang diperolehi akan dibincangkan bagi mengenal pasti sama ada objektif kajian dapat dicapai. Hasil daripada perbincangan dan kajian akan dijadikan kesimpulan. Cadangan akan dibuat bagi menambah baik atau memberi satu rujukan bagi pihak yang terlibat berkaitan permasalahan berkaitan perletakhakan hakmilik tanah wakaf.

Di dalam fasa ini cadangan berkaitan perletakhakan hakmilik tanah wakaf yang perlu dilaksanakan oleh pentadbiran negeri bagi memudahkan proses perletakhakan tanah wakaf akan dicadangkan. Penambahbaikan antara majlis dan JAWHAR perlu disokong oleh kerajaan negeri. Ini kerana bagi memudahkan pengurusan dan pembangunan tanah wakaf dapat dilaksanakan.

Bahagian kesimpulan adalah perkembangan logik bagi keputusan yang telah dianalisis. Fokus utama bahagian ini adalah untuk mencapai objektif yang telah dikenalpasti. Objektif dan kesimpulan adalah untuk menilai keputusan yang telah diperolehi melalui analisis. Manakala untuk bahagian cadangan merupakan satu kaedah panjang terhadap analisis yang diperolehi. Tambahan, kajian ini boleh digunakan sebagai rujukan oleh pihak berkepentingan pada masa akan datang. Secara kesimpulannya, cadangan yang akan diberikan akan dapat memberi manfaat kepada individu supaya masalah yang timbul dapat diselesaikan mengikut kajian yang telah dilaksanakan.

### **3.7 Rumusan**

Perlaksanaan kajian telah dilakukan mengikut fasa-fasa yang telah dinyatakan di atas bagi memastikan kajian dapat disiapkan mengikut tempoh yang diberi. Setiap fasa memainkan peranan yang penting bagi perolehan data dan analisa data yang lebih teratur dan mencapai objektif kajian. Bab ini menerangkan secara khusus bagaimana kajian dapat dilaksanakan untuk menjawab persoalan yang telah ditimbulkan di dalam Bab 1.



## **BAB 4**

### **HASIL KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Hasil daripada penemuan kajian yang telah dijalankan oleh penulis dan dibincangkan di dalam bab ini. Keputusan dan hasil kajian ini adalah berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan ke atas Majlis Agama Islam Negeri yang mempunyai enakmen wakaf yang tersendiri. Majlis Agama Islam Negeri yang terlibat adalah Majlis Agama Islam Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak.

#### **4.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Analisis yang telah dibuat adalah berpandukan data-data yang diperolehi daripada beberapa sumber primer dan sumber sekunder. Tujuan analisis ini dilakukan adalah untuk memberi pemahaman tentang perolehan data bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai. Segala maklumat dan penjelasan yang diberikan oleh responden sepanjang sesi temubual telah dicatat dan dijadikan sebagai sumber data primer yang utama. Ini kerana penganalisan jawapan yang diberikan oleh responden adalah penting bagi mencapai objektif kajian ini. Data-data tersebut diulaskan oleh pengkaji agar lebih lengkap dan sempurna.

#### 4.2.1 Temu bual

Salah satu kaedah yang berkesan bagi mendapatkan maklumat secara langsung adalah melalui kaedah temubual. Temu bual telah dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan prosidur yang dilaksanakan oleh Majlis bagi perletahakan hakmilik tanah wakaf mengikut enakmen negeri.

Sesi temubual telah dijalankan di dua buah majlis agama Islam negeri iaitu, Majlis Agama Islam Negeri Selangor yang melibatkan bahagian Perbadanan Wakaf Selangor dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perak. Terdapat enam soalan yang telah disediakan bagi mendapatkan data untuk mencapai objektif kajian ini. Soalan-soalan ini telah dirangka untuk mendapatkan respon daripada MAIN berkaitan prosidur yang telah dikeluarkan oleh JAWHAR dan melihat bagaimana pihak Majlis melaksanakan prosidur tersebut.

#### 4.2.2 Responden yang Ditemubual

Permilihan Majlis Agama Islam Negeri yang terlibat telah dikenal pasti bagi memperolehi data yang diperlukan bagi mencapai objektif kajian ini. Majlis agama yang mempunyai enakmen wakaf dijadikan sebagai responden utama. Permilihan responden yang betul adalah penting untuk memastikan data dan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan sahih. Permilihan responden adalah terdiri daripada pegawai-pegawai daripada bahagian pengurusan pendaftaran tanah wakaf di dalam Majlis. Senarai responden adalah seperti di Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Pegawai Majlis yang Ditemu bual

Responden	Majis
Puan Nor Halisa	Bahagian Perbadanan Wakaf Selangor
Encik Mohamad Azizul bin Zakaria	Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perak

### **4.2.3 Soalan Temu bual Mengenai Ketidak Seragaman Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf.**

Soalan-soalan ini dikemukakan kepada responden melalui borang temubual yang telah dirangka bagi memperolehi data yang diperlukan untuk kajian ini. Antara soalan temubual adalah yang telah di jawab oleh Encik Azizul dan Puan Halisa:

1. Adakah terdapat prosidur tertentu yang telah ditetapkan oleh enakmen wakaf negeri terhadap pendaftaran tanah wakaf yang terletak di dalam negeri?

“Setiap Majlis Agama Islam Negeri mempunyai prosidur tersendiri bagi perletakhakan hak milik tanah wakaf kepada majlis, sebagai contoh borang permohonan untuk mewakafkan tanah kepada Majlis adalah berbeza mengikut negeri. Enakmen negeri tidak meletakkan sebarang langkah atau prosidure yang wajib dipatuhi oleh majlis. Ianya bergantung kepada pengurusan negeri tersebut kerana ia melibatkan pelbagai pihak dan pentadbiran negeri.”

2. Siapakah antara pihak yang terlibat dan borang yang digunakan di dalam menguruskan perletakhakan hakmilik tanah wakaf?

“Antara pihak yang terlibat adalah pihak MAIN sendiri, pentadbiran negeri dan jabatan kerajaan seperti lembaga hasil dan pewakaf. Penglibatan pelbagai pihak juga menyukarkan untuk penyeragaman prosidur berlaku. Borang yang digunakan adalah borang hasrat wakaf dan borang 14A bagi pendaftaran di pejabat pentadbir tanah.”

3. Pada tahun 2010 JAWHAR telah mengeluarkan satu panduan bagi perletahakan hak milik tanah wakaf, adakah ia mempengaruhi perletahakan hakmilik yang telah diamalkan oleh Majlis?

“Panduan yang dikeluarkan oleh pihak JAWHAR adalah daripada pertemuan antara JAWHAR dan wakil daripada MAIN. Pihak Majlis akan mencadangkan langkah atau satu kaedah yang boleh dikeluarkan oleh JAWHAR sebagai panduan. Oleh yang demikian ianya mengikut kehendak Majlis negeri untuk mengikut panduan yang di keluarkan oleh JAWHAR. Boleh diringkaskan bahawa panduan yang dikeluarkan adalah hanya sebagai rujukan kepada Majlis Negeri yang tidak mempunyai prosidur atau menghadapi masalah berkaitan perletahakan hak milik tanah wakaf.”

4. Apakah inisiatif Majlis bagi melaksanakan perletahakan hak milik setelah pengeluaran panduan perletahakan hakmilik oleh JAWHAR?

“Perlaksanaan perletakhakan hakmilik oleh pihak majlis perlu mendapatkan persetujuan oleh pentadbiran negeri. Ini kerana ianya melibatkan perundangan kerajaan negeri. Dan tiada inisiatif atau peruntukan khas bagi membangunka sistem yang lebih seragam bagi setiap majlis. Ini membantutkan usaha majlis untuk menjalankan perlaksanaan keseragaman berdasarkan panduan oleh JAWHAR. Ketika ini hanya Majlis Agama Islam Johor sahaja yang mempunyai sistem perletakhakan hak milik tanah wakaf yang lebih mudah dan menjimatkan. Namun majlis akan melaksanakan panduan yang dicadangkan oleh JAWHAR jika panduan tersebut dapat menambah baik pengurusan Majlis dan jika tiada pekara yang bertentangan dengan undang undang negeri tersebut.”

5. Adakah terdapat masalah atau halangan yang dihadapi oleh pihak Majlis bagi melaksanakan atau mengikut panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR?

“Antara permasalahan yang telah dinyatakan adalah, perkara ini melibatkan pelbagai pihak, tiada peruntukan khas bagi mengubah sistem yang sedia ada dan pendaftaran tanah wakaf pada waktu ini masih mengikut sistem yang sedia ada.”

### **4.3 Hasil kajian**

Bagi tujuan menganalisis data-data yang diperolehi, kaedah yang digunakan adalah analisis diskriptif. Analisis ini digunakan kerana data data yang diperolehi adalah menggunakan kaedah kualitatif dan secara lisan. Data-data yang dikumpul bagi tujuan kajian adalah dengan kaedah temu bual. Data dihuraikan daripada sesi temubual bersama responden. Antara perkara yang dianalisis adalah faktor-faktor menyebabkan berlakunya ketidakseragaman perletakhakan hakmilik tanah wakaf dan pelaksanaan manual yang dikeluarkan oleh JAWHAR kepada Majlis Agama Negeri.

Analisis kajian ini dilakukan berdasarkan sesi temu bual yang telah dijalankan ke atas dua buah Majlis Agama Islam Negeri bagi negeri Selangor dan Perak. Kedua-dua majlis ini dipilih kerana mempunyai enakmen negeri tersendiri berkaitan tanah wakaf. Di samping itu, elemen yang menjadi keutamaan permilihan kedua-dua buah Majlis tersebut adalah kerana untuk menjawab kepada objektif kedua kajian yang telah dinyatakan iaitu untuk melihat pelaksanaan pendaftaran tanah wakaf yang dilakukan oleh majlis dan beberapa soalan berkaitan permasalahan utama ketidakseragaman pendaftaran yang berlaku antara Majlis Agama Islam Negeri.

#### **4.4 Hasil Analisis Faktor Yang Menyebabkan Ketidakteragaman Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf.**

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat punca atau sebab utama berlaku ketidakteragaman pendaftaran tanah wakaf untuk setiap Majlis agama Islam Negeri. Melalui sesi temubual dan data yang telah dikumpul terdapat beberapa faktor yang dilihat menjadi penghalang kepada satu prosidur pendaftaran yang seragam bagi tanah wakaf.

##### **4.4.1 Enakmen Wakaf Negeri**

Seperti yang diterangkan di dalam Bab 2 sebelum ini, berkaitan perbezaan enakmen negeri yang menjadi punca utama kewujudan ketidakteragaman perletakhakan hakmilik terjadi. Setiap negeri mempunyai tanggungjawab dan perundangan masing-masing bagi menguruskan tanah wakaf yang terdapat di dalam negeri.

Perbezaan perlaksanaan perletakhakan hak ini berlaku kerana enakmen negeri adalah berdasarkan undang-undang tanah negeri tersebut. Meskipun tiada kaedah khusus yang dinyatakan di dalam enakmen negeri bagi mendaftarkan, pelbagai borang dan alternatif telah digunakan oleh Majlis mengikut kesesuaian dengan undang-undang negeri. Pekara ini juga disebabkan oleh perbezaan fatwa yang telah dikeluarkan oleh setiap Majlis Agama Negeri. Pekara ini menyebabkan penggunaan pelbagai borang untuk memohon mewakafkan tanah kepada majlis.

#### **4.4.2 Tiada Peruntukan Khas bagi Penyelarasan Prosidur**

Faktor yang kedua yang telah dikenalpasti daripada temu bual bersama responden adalah, kerajaan negeri tidak memperuntukan inisiatif atau peruntukan khas bagi menaik taraf sistem pendaftaran dan sekaligus dapat menyeragamkan pendaftaran tanah wakaf bagi setiap negeri. Responden menyatakan perlaksanaan hakmilik oleh pihak MAIN perlu mendapatkan persetujuan oleh kerajaan negeri.

Ketika ini, kebanyakan peruntukan digunakan untuk menguruskan pendaftaran tanah wakaf mengikut prosidur yang sedia ada. Perkara ini telah dinyatakan oleh responden, prosidur yang sedang digunakan oleh MAIN memerlukan peruntukan yang banyak untuk dilaksanakan. Responden juga bersetuju jika sistem perletakhakan yang lebih seragam dan teratur dapat dilaksanakan kerana sistem ini lebih menjimatkan wang dan masa. Kewujudan sistem yang lebih teratur dapat membantu MAIN bagi menguruskan pembangunan tanah wakaf dengan lebih praktikal. Selain itu, peruntukan yang sebelum ini digunakan untuk mendaftar tanah wakaf dapat disalurkan ke bahagian pembangunan tanah wakaf.

Sistem yang baharu memerlukan peruntukan yang agak besar untuk dilaksanakan, ini kerana pembaharuan satu sistem yang baharu melibatkan pentadbiran negeri. Oleh kerana tiada bantuan khas yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri, satu sistem perletakhakan hakmilik tanah wakaf yang lebih seragam tidak dapat diwujudkan.

#### **4.4.3 Penglibatan Pelbagai Pihak Pentadbiran Negeri**

Seperti yang diterangkan oleh responden, pendaftaran tanah wakaf yang sedia ada melibatkan pelbagai pihak dan jabatan negeri. Penukaran satu sistem yang baharu mungkin akan menjejaskan tugas-tugas jabatan kerajaan negeri untuk menyesuaikan pentadbiran jabatan dengan satu sistem yang baharu. Perkara ini mungkin menjejaskan proses pengurusan pendaftaran tanah wakaf itu sendiri. Antara jabatan dan pihak yang terlibat adalah pihak pentadbiran tanah pejabat Tanah Daerah (PTD), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

#### **4.4.3 Kekurangan Kefahaman Berkaitan Pendaftaran Tanah Wakaf**

Sebelum Surat Perkeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian bilangan 2/ 2016 dikeluarkan, tiada kaedah perletakhakan yang jelas dan diseragamkan bagi memudahkan pendaftaran. Proses pendaftaran tanah wakaf masih kurang difahami terutamanya oleh pihak pejabat pentadbiran tanah. Perkara ini kerana KTN 1965 kurang menyentuh tentang tanah wakaf. Tiada peraturan yang selaras atau tiada penyelarasan sebelum JAWHAR dan KPTG mengeluarkan satu format yang melibatkan penggunaan Borang 14a bagi urusan permohonan perletakhakan hakmilik tanah wakaf di pejabat pentadbir tanah.



#### **4.5 Hasil Analisis Pelaksanaan Manual Perletakhakan Tanah Wakaf oleh JAWHAR di dalam Pentadbiran Majlis**

Seperti mana yang dinyatakan di dalam Bab 2 kajian ini, JAWHAR telah mengeluarkan satu panduan bagi perletakhakan hakmilik tanah wakaf sebagai satu rujukan untuk Majlis negeri pada tahun 2010. Inisiatif JAWHAR juga disokong dengan pengeluaran perkeliling oleh KPTG kepada pihak pentadbir tanah negeri. Namun menurut kepada responden kedua iaitu Encik Azizul daripada Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perak, Majlis masih menggunakan prosidur yang sedia ada dengan mengikut perletakhakan berkanun 416C yang termaktub di dalam KTN 1965 bagi mendaftar hakmilik ke atas nama Majlis.

Menurut Encik Azizul, MAIN masih menggunakan perletakhakan berkanun seperti dinyatakan di dalam seksyen 416C KTN 1965 menyatakan “hak yang diendorkan di atas dokumen hak milik daftaran di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuatkuasa dari tarikh apabila perletakhakan satutori itu berkuasa dan akan kekal pada seluruh tempoh hakmilik itu dan hendaklah mengikut setiap tuan punya tanah yang kemudian”. Majlis sebagai pihak yang mendapat kelolaan untuk mengurus segala tanah wakaf berdasarkan peruntukan undang undang pentadbiran agama Islam dan enakmen wakaf negeri, boleh memohon supaya perletakhakan berkanun di bawah Seksyen 416C KTN 1965 digunakan bagi mendaftar semua tanah wakaf.

Manakala menurut responden pertama, Puan Halisa menegaskan bahawa setiap panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR adalah daripada pertemuan atau perbincangan antara pihak JAWHAR dan pihak Majlis bagi setiap negeri. Persetujuan dan prosidur yang terbaik akan dipersetujui sebelum panduan berkaitan tanah wakaf dikeluarkan. Panduan ini adalah untuk Majlis Agama Islam negeri yang tidak mempunyai enakmen yang tersendiri untuk diterapkan atau digunakan.

Responden juga menjelaskan bahawa panduan yang dikeluarkan adalah daripada cadangan oleh pihak MAIN. Oleh itu, ianya mengikut kehendak MAIN itu sendiri, untuk mengikut panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR. Ini berlaku jika terdapat kelemahan yang dikenalpasti oleh majlis dan panduan JAWHAR dapat membantu bagi mengisi kekosongan pengurusan yang dihadapi oleh pihak majlis tersebut.

Dengan itu, pihak majlis boleh menentukan untuk mengikut panduan oleh JAWHAR, kerana panduan tersebut hanyalah untuk rujukan sahaja. Dan pihak majlis mempunyai pilihan untuk menjadikan panduan tersebut sebagai rujukan untuk menambah baik pengurusan tanah wakaf, Sebagai contoh, panduan JAWHAR berkaitan perlethakan hak miliktanah wakaf jika berlaku tuntutan daripada waris adalah di ambil daripada pihak Majlis Agama Islam Selangor.

Analisis pelaksanaan perletakhakan hakmilik tanah wakaf yang diamalkan oleh pihak Majlis dapat dilihat bergantung kepada pengurusan negeri tersebut kerana melibatkan pelbagai pihak yang berbeza untuk setiap negeri. Menurut responden, panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR adalah mengambil contoh pendaftaran tanah wakaf bagi negeri Selangor mempunyai prosidur atau operasi standard untuk mendaftar tanah wakaf kepada Majlis.

Antara pihak yang terlibat bagi pendaftaran tanah wakaf Selangor adalah:

Jadual 4.2: Pihak di dalam pendaftaran tanah wakaf bagi Negeri Selangor


Pihak yang terlibat bagi perletakhakan hakmilik tanah wakaf bagi Perbadanan wakaf Selangor
<ul style="list-style-type: none"><li>• Pihak Majlis Agama Islam Negeri</li><li>• Pentadbiran Negeri (PTG/PTD)</li><li>• Lembaga Hasil Dalam Negeri</li><li>• Pewakaf</li></ul>

Bagi negeri Selangor, terdapat prosedur operasi yang perlu diikuti sebelum tanah wakaf didaftarkan kepada majlis. Setelah menerima Borang Hasrat Wakaf daripada pemilik kepada tanah yang ingin diwakafkan, pihak perbadanan wakaf akan melakukan penyiasatan terhadap tanah. Jawatankuasa penyiasatan akan melakukan siasatan terhadap lot tanah tersebut.

Untuk memastikan tanah tersebut tidak mempunyai masalah untuk diwakafkan. Selepas kumpulan penyiasatan memastikan tanah tersebut adalah selamat dan boleh diwakafkan, satu mesyuarat khas diadakan sebelum keputusan untuk menerima cadangan wakaf oleh permilik.

Setelah keputusan mesyuarat khas bersetuju dan mendapati bahawa tanah wakaf tersebut boleh diwakafkan dan bebas daripada apa-apa tuntutan dan penipuan, Pengurus Wakaf akan menegemukakan Borang 14A bersama dokumen hakmilik serta cukai tanah terkini bersama permohonan pengecualian duti setem sebelum membuat pendaftaran dan bayaran pindah milik di Pejabat PTD atau PTG (jika berkaitan). Pengurus wakaf juga perlu mendapatkan tandatangan pewakaf di hadapan pentadbir tanah bagi menterai bahawa Pihak Berkuasa MAIN sebagai penerima pindahan.

Apabila pindah milik telah selesai didaftarkan ke atas nama Majlis, pihak PTD atau PTG akan mengeluarkan satu notis makluman kepada Pengurus Wakaf. Dokumen hakmilik didaftarkan di dalam buku daftar tanah MAIN. Salinan dokumen disimpan di dalam bilik kebal, dan Pengurus Wakaf akan melantik Jurukur tanah untuk menentukan sempadan dan lokasi tanah yang diwakafkan bagi mengesahkan keluasan tanah yang telah di wakafkan.



Rajah 4.1: Proses Pendaftaran Tanah Wakaf Selangor

#### 4.6 Rumusan

Pendaftaran dan perletakhakan hakmilik ke atas tanah wakaf adalah penting. Hal ini kerana bagi menjamin kepentingan status tanah tersebut. Secara keseluruhannya, hasil daripada analisis yang telah dijalankan telah menepati objektif kajian yang ingin dicapai. Faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakseragaman bagi perletakhakan hakmilik tanah wakaf telah dikenal pasti. Penambahbaikan yang sedang dilaksanakan oleh MAIN dengan bantuan JAWHAR perlu diteruskan bagi menjamin satu proses pendaftaran yang lebih teratur dan terjamin. Perkara ini perlu dilaksanakan bagi mengelakan berlaku kekeliruan berkaitan status tanah wakaf dan menghalang MAIN untuk membangunkan tanah wakaf yang secara tidak langsung dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Hasil kajian ini juga menunjukkan bagaimana melaksanakan prosidur yang telah dikeluarkan oleh JAWHAR di dalam pentadbiran MAIN. Walaupun MAIN masih melaksanakan sistem perletakhakan yang sedia ada. MAIN mempunyai pilihan untuk mengambil panduan tersebut sebagai penambahbaikan untuk sistem pendaftaran majlis. Penyeragaman proses permohonan antara pihak MAIN dan pihak pentadbir tanah PTD/PTG juga memainkan peranan penting bagi memastikan prosidur ini terlaksana dengan lebih berkesan.

## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Di dalam Bab ini, kesimpulan dan cadangan kajian terhadap analisis yang telah dilakukan dibuat berdasarkan data-data temubual yang telah dilakukan bagi membantu mencapai objektif kajian. Kesimpulan akan menerangkan tentang perkara yang telah dicapai oleh penulis untuk menjawab persoalan dan objektif yang telah di bincangkan pada bab yang terawal. Selain itu daripada hasil analisis yang diperolehi, cadangan kajian lanjutan juga akan dibincangkan bagi sumber rujukan kajian pada masa hadapan.

#### **5.2 Pencapaian objektif**

Terdapat dua objektif kajian telah ditentukan yang perlu dicapai oleh penulis. Antara objektif tersebut adalah menentukan faktor-faktor berlakunya ketidakseragaman di dalam perletakhakan hakmilik tanah wakaf dan pelaksanaan panduan manual JAWHAR berkaitan perlethakan hakmilik di dalam pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri. Objektif-objektif tersebut dicapai melalui kajian terhadap manual yang dikeluarkan oleh JAWHAR bersama Surat Perkeliling KPTG bilangan 2/2016. Selain itu data yang diperolehi melalui kaedah temubual bersama responden daripada dua Majlis Agama Islam Negeri juga akan digunakan untuk mencapai objektif kajian. Secara keseluruhan, kedua-dua objektif kajian telah berjaya dicapai

dan berikut adalah penerangan bagi hasil analisis yang digunakan bagi mencapai objektif tersebut.

### **5.3 Objektif Pertama: Faktor Berlaku Ketidakteraturan Perletakan Hak Milik Tanah Wakaf.**

Objektif pertama kajian telah berjaya dicapai melalui analisis yang dilakukan berdasarkan data temubual bersama wakil pentadbiran Perbadanan wakaf negeri Selangor dan wakil daripada Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Perak. Kedua-dua responden menerangkan berkaitan faktor yang mengakibatkan perkara tersebut berlaku. Pembacaan penulisan dan enakmen negeri serta akta KTN1965 juga dijadikan rujukan.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mencari faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakseragaman perletakan hakmilik tanah wakaf di antara Majlis Agama Islam Negeri di semenanjung Malaysia. Meskipun enakmen negeri tidak menyatakan prosidur yang perlu dipatuhi oleh setiap Majlis, namun terdapat perbezaan yang berlaku akibat perbezaan undang undang bagi setiap Negeri. Selain itu, tiada peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan negeri bagi membangunkan sistem pendaftaran perletakan hakmilik tanah wakaf yang lebih teratur dan seragam. Inisiatif pentadbiran negeri yang diberikan lebih menumpukan kepada prosidur pendaftaran yang asal.

Kekurangan kefahaman dan penglibatan pelbagai pihak di dalam perletakan hakmilik tanah wakaf juga menjadi faktor yang menyebabkan berlakunya ketidakseragaman. Pendaftaran tanah wakaf kurang disentuh di dalam perundangan tanah Negara secara khusus. Ini menyebabkan pihak yang terlibat di dalam perletakan hakmilik tanah wakaf kurang difahami. Selain itu, penglibatan pelbagai pihak di dalam prosidur asal perletakan hakmilik juga menyukarkan usaha untuk menyeragamkan perletakan hakmilik tanah wakaf. Oleh itu melalui kajian ini, faktor berlakunya ketidakseragaman di dalam perletakan hakmilik tanah wakaf dapat diterangkan secara terperinci dan menjawab objektif kajian yang telah ditentukan.

#### **5.4 Objektif Kedua: Mengenalpasti Pelaksanaan Manual Dan Surat Perkeliling Berkaitan Penyeragaman Perletakhakan Hakmilik Tanah Wakaf Yang Telah Dikeluarkan Terhadap Pentadbiran Dan Pengurusan MAIN.**

Objektif kedua kajian dicapai melalui kaedah pembacaan panduan manual yang dikeluarkan oleh JAWHAR berkaitan perletakhakan hakmilik dan Surat Perkeliling yang telah dikeluarkan oleh KPTG pada tahun 2016. Pembacaan dan analisis ini juga disokong oleh temubual yang telah dijalankan. Beberapa soalan berkaitan pandangan MAIN terhadap panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan pelaksanaan yang digunakan oleh MAIN.

Penerangan berkaitan enakmen negeri dan panduan oleh JAWHAR untuk perletakhakan hakmilik tanah wakaf juga diterangkan oleh Majlis. Pelaksanaan panduan oleh pihak Majlis adalah lebih kepada penggunaan Borang 14a bagi permohonan perletakhakan hakmilik di PTD. Perkara ini telah disebutkan di dalam panduan manual oleh JAWHAR dan Surat Perkeliling oleh KPTG. Penulis mendapati bahawa panduan yang dikeluarkan oleh pihak JAWHAR adalah melalui perjumpaan pihak JAWHAR dan wakil wakil daripada MAIN untuk setiap negeri.

Persetujuan dan cadangan yang dikeluarkan oleh JAWHAR di dalam bentuk panduan merupakan atas perbincangan antara kedua dua pihak. Panduan ini dikeluarkan bagi Majlis yang tidak mempunyai enakmen negeri dan melihat panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR dapat membantu pentadbiran bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Sebagai contoh, JAWHAR memberi panduan jika terdapat waris menuntut tanah yang telah diwakafkan. Perkara tersebut adalah berdasarkan atau mengambil contoh daripada Majlis Agama Islam Selangor atas persetujuan bersama dan perbincangan yang telah dibuat. Pelaksanaan yang dilaksanakan oleh MAIN juga telah di terangkan di dalam Bab 4.

## **5.5 Cadangan Kajian**

Cadangan kajian yang boleh dibuat bagi penambahbaikan kajian ini adalah dengan melakukan pertemuan bersama MAIN yang tidak mempunyai enakmen negeri yang telah melaksanakan panduan perletakhakan hakmilik wakaf berdasarkan panduan yang telah dikeluarkan oleh MAIN. Hal ini tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan masa dan lebih menumpukan kepada pelaksanaan panduan tersebut ke atas MAIN yang mempunyai enakmen negeri sendiri dan akta berkaitan pendaftaran tanah wakaf bagi negeri tersebut.

Pertemuan bersama pihak pentadbiran tanah negeri seperti PTD dan PTG juga perlu dilakukan bagi melihat kefahaman mereka terhadap pendaftaran berkaitan tanah wakaf. Dengan melaksanakan soal selidik kajian mungkin dapat melihat sejauh mana kefahaman oleh staf dan pengurusan pentadbir tanah bagi mendafar tanah wakaf. Dengan adanya, penambahbaikan kaedah soal selidik penulis dapat melihat statistik dan pendapat berkaitan faktor berlakunya ketidakseragaman daripada pihak pentadbiran dan pengurusan tanah wakaf.

## **5.6 Rumusan**

Perletakhakan hakmilik tanah wakaf adalah salah satu elemen penting bagi pembangunan tanah wakaf. Permilikan yang diragui oleh pelbagai pihak dan menimbulkan kekeliruan boleh mengakibatkan pembangunan tanah wakaf terbantut dan tidak dapat dilaksanakan. MAIN dan JAWHAR perlu mengambil tindakan yang lebih teratur dan tegas bagi menyeragamkan prosidur yang dilaksanakan bagi perletakhakan hakmilik bagi tanah wakaf. Pentadbiran negeri juga perlu memainkan peranan penting bagi menyokong pihak MAIN sebagai pemegang tunggal bagi menguruskan tanah wakaf.



Untuk memastikan tanah wakaf tidak terbiar dan dapat digunakan sebagai salah satu penyumbang ekonomi umat Islam dan menyumbang perkembangan ekonomi kepada negeri serta Negara. Satu sistem yang lebih bersepadu dan seragam bagi mendaftar dan perletakhakan hakmilik tanah wakaf perlu dirangka dan dilaksanakan bagi memudahkan pelaksanaan pembangunan tanah wakaf dan memantapkan institusi wakaf di Malaysia.

### **5.7 Cadangan Kajian Lanjutan**

- I. Kajian berkaitan bagaimana Majlis Agama Islam Negeri dan pihak Jabatan Wakaf Zakat dan Haji Malaysia untuk melaksanakan sistem pendaftaran tanah wakaf yang lebih seragam.
- II. Melaksanakan soal selidik terhadap pentadbiran negeri berkaitan isu dan masalah yang menyukarkan pentadbiran untuk menyeragamakan perletakhakan hakmilik tanah wakaf.

## RUJUKAN

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17, 1, pp. 113-152.
- Awang, R. (1994). Undang-undang Tanah Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Baharudin Sayin. et, al (2006). Pengenalan Pengurusan Wakaf Di Malaysia. Pusat Penerbitan (UPENA), UiTM 2006, Straits Digital Sdn. Bhd.
- Jabatan Wakaf , Z. D. H. (2007). Manual Pengurusan Tanah Wakaf. Putrajaya.
- Jabatan Wakaf , Z. D. H. (2010). Manual Pengurusan Perletakhakan Tanah Wakaf Putrajaya: Najjah One Trading & Services.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (2014). *About JAWHAR: Introduction*. Retrieved on October, 2018, from <http://www.jawhar.gov.my/en/profil-jabatan/mengenai-jawhar/>
- Mahmood, r. h. (2017). pengurusan wakaf di malaysia: isu dan cabaran. Paper presented at the the 4th international conference on management and muamalah
- Malaysia (2016) Enakmen Wakaf (Terengganu) Enakmen 1/2016
- Malaysia (2015) Enactment Wakaf (Selangor) Enactment 15
- Malaysia (1965) National Land Code 1965, (Act 56) & Section 416 C
- Malaysia (2009) Federal constitutions. International Book Law Services. Senarai Negeri
- Markom, R. (2003). Apa Itu Undang-Undang Islam: Memahami Undang-Undang Islam Dengan Lebih Berkesan: Pts Pubs.
- Naseha, A. (2017). Pembangunan Kerangka Profesional Pengurusan Harta Tanah Wakaf (Phtw) Di Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
- Rahman, A. A. (2009). Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 1(17).
- Shahih Muslim, Kitab Wasiat Bab Wakaf, No. 3085
- Yayasan Wakaf Malaysia (2014). *Latar Belakang*. Retrieved on October 15, 2018, from <https://www.ywm.gov.my/profile/latar-belaka>

Yayasan Wakaf Malaysia (2014). *Objektif dan Fungsi*. Retrived on October 15, 2018,  
from <https://www.ywm.gov.my/profile/objektif>

## LAMPIRAN A (Borang 14A)

LAMPIRAN A

### FORMAT SURAT PERMOHONAN PELETAKHAKAN TANAH WAKAF

Pendaftar Hakmilik / Pentadbir Tanah

.....  
.....

Tarikh:

Tuan,

#### **PERMOHONAN PELETAKHAKAN TANAH WAKAF DI BAWAH SEKSYEN 416C KANUN TANAH NEGARA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dengan ini, saya bagi pihak Majlis Agama Islam ..... memohon supaya pihak Tuan dapat mendaftarkan peletakhakan tanah wakaf bagi tanah/tanah-tanah\* yang disenaraikan dalam Jadual di bawah. Bersama-sama surat ini juga dilampirkan dokumen-dokumen berkaitan tanah/tanah-tanah\* tersebut untuk tujuan proses pendaftaran peletakhakan.

3. Segala kerjasama pihak Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

#### **BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**

Saya yang menurut perintah,

.....  
Pendaftar Wakaf,  
Majlis Agama Islam Negeri .....

JADUAL TANAH* DAN KEPENTINGAN					
Bandar/ Pekan/Mukim	No. Lot/ Petak / P.T.	Jenis dan No. Hakmilik	Bahagian tanah (jika ada)	No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan- kecil (jika ada)	No. Berdaftar Gadaian (jika ada)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)

\* Potong mana yang tidak berkenaan.

## Lampiran B (Surat Perkeliling KPTG)



**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**  
*Director General of Lands and Mines of the Federation*  
Aras 3, Podium 1, Wisma Sumber Asli  
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4  
62574 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8871 2603  
Faks : 03-8889 3855  
Web : www.jkptg.gov.my

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : KTPK 101/KPU/799-4 ( 27 )

Tarikh : 18 November 2016

Semua Pendaftar Hakmilik,

Semua Pentadbir Tanah,

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BIL. 2/2016: FORMAT SERAGAM PERMOHONAN PELETAKHAKAN BERKANUN  
TANAH WAKAF**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai format seragam bagi surat permohonan pendaftaran peletakhakan tanah wakaf di bawah seksyen 416C Kanun Tanah Negara.

3. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (termasuk Akta Pentadbiran Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan) ataupun Enakmen Wakaf Negeri telah memperuntukkan bahawa Majlis Agama Islam merupakan pemegang amanah tunggal tanah wakaf dan semua tanah wakaf hendaklah terletak kepada Majlis itu. Pada masa ini, peruntukan khusus yang memperkatakan perkara ini sepertimana berikut:

- (a) Johor : Seksyen 89 & 90 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003;
- (b) Kedah : Seksyen 52 & 53 Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008;
- (c) Kelantan : Seksyen 61 & 62 Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994;
- (d) Melaka : Seksyen 32 & 50 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005;
- (e) Negeri Sembilan : Seksyen 5 & 9 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005;



# **MANUAL PENGURUSAN PELETAKHAKAN TANAH WAKAF**

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)  
JABATAN PERDANA MENTERI

## **Lampiran D (Soalan Temu bual di Majlis Agama Islam Negeri)**

Soalan temu bual bersama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) berkaitan perletakhakan hakmilik tanah wakaf mengikut enakmen wakaf negeri dan panduan perletakhakan hakmilik tanah wakaf daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.

- 1) Adakah terdapat prosedur tertentu yang telah ditetapkan oleh enakmen wakaf negeri terhadap perletakhakan hakmilik tanah wakaf bagi tanah wakaf yang terletak di dalam negeri?
- 2) Siapakah antara pihak yang terlibat, dan borang yang digunakan di dalam menguruskan perletakhakan hakmilik tanah wakaf yang telah disebut di dalam enakmen wakaf negeri?
- 3) Pada tahun 2010 JAWHAR telah mengeluarkan satu panduan bagi perletakhakan hak milik tanah wakaf, adakah ia mempengaruhi perletakhakan hakmilik yang telah diamalkan mengikut enakmen wakaf negeri sebelum ini?
- 4) Bagaimana pihak Majlis melihat inisiatif yang dilakukan oleh pihak JAWHAR dengan adanya pengeluaran panduan bagi mendaftar hakmilik tanah wakaf?
- 5) Apakah inisiatif pihak Majlis bagi melaksanakan perletakhakan hakmilik setelah pengeluaran panduan perletakhakan hakmilik oleh JAWHAR?
- 6) Adakah terdapat masalah atau halangan yang dihadapi oleh pihak Majlis bagi melaksanakan atau mengikut panduan yang dikeluarkan oleh JAWHAR?